

LITERASI KEWANGAN ISLAM: SOROTAN KAJIAN LEPAS DAN KAEDAH PENGUKURAN

Mohamad Azmi Abdullah¹ & Mohd Fauzi Hussin²

¹ Pensyarah, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah

² Pensyarah, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial, Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Di dalam Islam elemen patuh kepada shariah adalah keutamaan bagi setiap muslim di dalam setiap aktiviti di dalam kehidupan mereka. Panduan shariah meliputi aspek ekonomi, ibadat, perundangan, kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Perbezaan jelas diantara kefahaman kewangan konvensional dan Islam yang di ukur menggunakan pendekatan literasi kewangan adalah dari aspek pematuhan shariah. Berdasarkan perbezaan ini, kajian yang dilakukan oleh para sarjana berkaitan Literasi Kewangan (LK) adalah dalam bentuk kajian kes dan kajian literatur adalah sangat meluas. Namun begitu, kajian berkenaan Literasi Kewangan Islam (LKI) mula mendapat tumpuan sejak 2010. Oleh itu kajian ini cuba menganalisis kajian lepas berkaitan literasi kewangan Islam memandangkan LKI merupakan bidang kajian yang agak baru dalam dunia penyelidikan berbanding literasi kewangan yang telah mantap dari aspek teori dan dapatan kajian. Berdasarkan kepada kajian lepas dan dapatan kajian oleh para sarjana, kajian ini cuba menyelidik beberapa konsep yang sesuai untuk mengukur literasi kewangan Islam selari dengan kehendak shariah. Perkara asas di dalam Islam seperti rukun iman, Islam dan hukum hakam asas dalam setiap aktiviti muslim cuba di ketengahkan. Selain itu beberapa konsep penting di dalam muamalat dan ekonomi Islam seperti konsep perlindungan di dalam Islam, Konsep tabungan di dalam islam, pinjaman dari persektif Islam, Konsep jaminan dalam Islam, Konsep perwakilan (wakalah) dalam Islam dan pembersihan kekayaan di dalam Islam cuba di ketengahkan sebagai satu kaedah pengukuran literasi kewangan Islam. Berdasarkan daripada perbincangan konsep-konsep penting dalam muamalat Islam ini boleh dijadikan panduan untuk membangunkan konstruk yang sesuai untuk mengukur literasi kewangan Islam individu dan usahawan Muslim seterusnya boleh menjadi sumbangan bermakna kepada para sarjana untuk kajian kajian akan datang.

Kata Kunci: Literasi Kewangan Islam, Kewangan Islam, Ekonomi Islam

ISLAMIC FINANCIAL LITERACY: LITERATURE STUDY AND MEASUREMENT METHOD

ABSTRACT

Islamic perspective, the shariah-compliant element is a priority for muslim in every activity of their lives. The shariah guide covers the aspects of economics, worship, legislation, community and international relations. the clear difference between the conventional and Islamic financial literacy measured using the financial literacy approach is in the aspect of shariah compliance. Based on this difference, studies by scholars on Financial Literacy (FL) in the form of case studies and literature review are done very extensively. However, studies on Islamic Financial Literacy (IFL) have started to gain a lot of attention since 2010. Therefore, this study attempts to analyze previous studies in relation to Islamic Financial Literacy since IFL is a relatively new field of study in the world of research compared to the financial literacy that has been established in terms of research theories and findings. Based on previous research and findings by scholars, this study attempted to investigate some of the concepts that were suitable for measuring Islamic Financial Literacy in line with the requirements of shariah. The basic element of islam such as pillar of Islam, faith and the law of fundamental justice in every muslim activity were brought forward. In addition, a number of important concepts in Islamic muamalat (jurisprudence) and economics, such as the concept of protection in Islam, the concept of savings in Islam, the concept of loans from Islamic perspectives, the concept of security in Islam, the concept of representative (wakalah) in Islam and the purification of wealth in Islam tried to be highlighted as a method of measuring Islamic financial literacy. Based on the discussion of the key concepts in Islamic muamalat (jurisprudence), they can serve as a guide in developing suitable constructs for measuring Islamic financial literacy of individuals and muslim entrepreneurs, and thusly be a valuable contribution to scholars for future research.

Keywords: *Islamic Financial Literacy, Islamic Finance, Islamic Economy.*

PENGENALAN

Malaysia pada umumnya mengamalkan dwi sistem dalam sistem kewangan merangkumi kewangan Islam dan kewangan konvensional. Kewangan dan perbankan Islam merupakan satu sistem kewangan yang objektif utamanya adalah untuk memastikan setiap transaksi yang dijalankan berlandaskan syariat Islam. Sistem kewangan dan perbankan Islam telah bermula pada 1983 dengan adanya Akta Perbankan Islam 1983 (Ab Majid *et al.*, 2012). Perkembangan kewangan Islam di Malaysia cukup signifikan dan telah menunjukkan pertumbuhan yang baik sejak kemunculannya pada tahun 1970-an. Aset perbankan Islam Malaysia adalah berjumlah 156.7 bilion USD pada 2017 merupakan kedua terbesar di dunia (Zainon, 2017). Sokongan kerajaan untuk memperkasakan sistem kewangan Islam terbukti apabila Malaysia, pada 1 Ogos 2013, memperkenalkan pasaran kewangan Islam Malaysia kepada dunia dengan melancarkan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (Bank Negara Malaysia, 2018). Perkembangan sistem kewangan dan perbankan Islam di negara-negara Islam lainnya dan Malaysia khususnya seharusnya seiring dengan pemahaman masyarakat umum tentang sistem perbankan Islam dan kewangan memandangkan perbezaan yang wujud berbanding sistem kewangan konvensional (Johnes *et al.*, 2014). Perbezaan ini memerlukan pengetahuan yang baik dikalangan individu mahupun usahawan dalam masyarakat. Pengukuran kepada tahap pengetahuan kewangan adalah melibatkan konsep literasi kewangan. Literasi kewangan merupakan pengetahuan kewangan yang berguna untuk menguruskan sumber agar mendapat manfaat yang maksimum. Selain daripada pengurusan sumber, literasi kewangan juga merupakan pengetahuan asas dalam ekonomi dan kewangan yang mampu membantu individu dalam membuat keputusan. Perkembangan sistem kewangan Islam yang besar di Malaysia khususnya telah menarik perhatian sarjana untuk melihat kesan literasi kewangan dari aspek Islam. Secara umumnya, literasi kewangan Islam adalah pengetahuan asas berkaitan perkhidmatan dan kewangan Islam. Literasi kewangan merupakan gabungan elemen-elemen berikut, iaitu kefahaman individu terhadap konsep asas kewangan, perkhidmatan dan produk kewangan, kemampuan untuk menilai risiko kewangan, memilih berdasarkan maklumat yang ada, dan

mempunyai pengetahuan untuk mendapatkan bantuan yang mana akhirnya mampu mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. (Miller et al., 2009). Literasi kewangan Islam merupakan satu elemen baharu dalam pendidikan kewangan Islam dan ianya berkait rapat dengan tahap pengetahuan seseorang individu terhadap sistem kewangan Islam. Ini merangkumi kesedaran terhadap asas maklumat perhidmatan dan kewangan Islam yang memberi kesan terhadap sikap untuk membuat keputusan dalam mendapatkan produk dan pembiayaan berasaskan syariah (Antara et al., 2016a). Secara umumnya literasi kewangan Islam tidak jauh berbeza dengan literasi kewangan konvensional kecuali pada pemahaman berkaitan sesuatu produk kewangan yang berasaskan syariah. Kaedah pengukuran literasi kewangan Islam seharusnya tidak jauh berbeza dengan panduan dan standard yang telah ditetapkan dalam kewangan Islam (Hafizah & Rahim, 2014). Abdullah & Abdul Razak (2015) pula memberikan definisi LKI meliputi aspek yang lebih luas meliputi pengurusan kekayaan, perancangan kewangan, pembersihan kekayaan, pelaburan yang menepati syariah Islam.

Kepentingan literasi kewangan dewasa ini tidak dapat dinafikan, memandangkan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan semakin kompleks dan sofistikated serta semakin banyak pihak yang menawarkannya. Sistem kewangan Islam juga tidak ketinggalan dalam usaha menawarkan produk dan perkhidmatan dan ini memerlukan kefahaman yang baik untuk pemilihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu Literasi Kewangan Islam mampu mengukur tahap pengetahuan dan kefahaman individu terhadap sistem kewangan Islam yang berbeza daripada konvensional. Seterusnya peningkatan dalam jumlah produk dan perkhidmatan di pasaran khususnya dari institusi kewangan Islam memerlukan seseorang individu mempunyai pengetahuan kewangan Islam yang baik untuk membuat keputusan yang mana akhirnya individu itu perlu bertanggungjawab atas setiap keputusan yang dibuat, contohnya keputusan persaraan dan perancangan untuk perlindungan (Takaful). Akhir sekali, peningkatan di dalam pendapatan di negara membangun menyebabkan pertambahan dalam bilangan pelanggan yang mana ini meningkatkan bilangan institusi kewangan baru yang menawarkan pembiayaan, aplikasi teknologi dalam perkhidmatan dan perbankan online yang akhirnya menjadikan perkhidmatan kewangan dan perbankan semakin mudah dan cekap kepada pengguna. Kesan daripada senario ini memerlukan pengetahuan kewangan yang baik bagi mendapat manfaat daripada sistem kewangan yang ada (Miller et al., 2009). Literasi kewangan dan literasi kewangan Islam yang baik juga memberi kesan kepada individu mahupun usahawan dari aspek pembuatan keputusan. Kelemahan literasi kewangan dan literasi kewangan Islam di kalangan usahawan secara tidak langsung mempengaruhi prestasi perniagaan mereka (Ripain *et al.*, 2017). Kepentingan literasi kewangan tidak dapat dinafikan memandangkan ia mampu meningkatkan keupayaan untuk mengakses produk dan perkhidmatan kewangan dengan mewujudkan persekitaran yang mampu membentuk tingkah laku kewangan yang bijak dalam pemilihan kemudahan kredit, penyediaan perancangan kewangan dan penjimatan kos (Miller et al., 2009). Ini akhirnya dapat memberi kesan kepada individu mahupun usahawan dari aspek kewangan dan operasi perniagaan yang akhirnya membantu individu dan usahawan bertahan dalam krisis dan kegawatan ekonomi. Berdasarkan kepada perbincangan ini wujud keperluan untuk membangunkan pengukuran yang sesuai untuk menguji LKI di kalangan individu dan juga usahawan di Malaysia.

LITERASI KEWANGAN ISLAM: SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pada awal tahun 90an sehingga tahun 2000, kajian tidak memfokuskan kepada literasi kewangan Islam tetapi lebih kepada kajian kewangan Islam dan faktor yang mempengaruhi pemilihan bank (Ahmad & Haron, 2002; Gerrard & Barton, 1997; Hamid & Nordin, 2001; Haron *et al.*, 1994; Metawa & Almosawi, 1998; Nasser, 1996) dan menilai pengetahuan produk kewangan Islam (Bley & Kuehn, 2004; Hamid & Nordin, 2001). Kajian awal di Malaysia oleh Hamid & Nordin (2001) mendapati bahawa kesedaran mengenai kewujudan perbankan Islam adalah 100% dalam kalangan penduduk Islam namun begitu tahap kefahaman mengenai perbezaan diantara perbankan Islam dan konvensional hanyalah 27.3% manakala 38.7% menjadikan perbankan Islam sebagai pilihan atas faktor agama. Seterusnya Bley & Kuehn (2004) telah melaksanakan penyelidikan ke atas pelajar universiti untuk melihat hubungan pengetahuan konsep kewangan dalam perbankan konvensional dan Islam, bahasa, agama dan beberapa pemboleh ubah dalam pemilihan perbankan Islam dan konvensional mendapati bahawa pengetahuan berkaitan perbankan konvensional adalah lebih baik

berbanding perbankan Islam. Ketika ini kajian berkaitan peroduk kewangan Islam adalah terhad terutamanya hubungan diantara pengetahuan produk kewangan Islam dan kesan terhadap pemilihan produk dan perkhidmatan kewangan.

Kajian lepas oleh Salehudin (2010) membincangkan kaedah pengukuran *Halal Literacy* yang menumpu kepada pengukuran halal literasi dari aspek halal dan haram produk makanan dan minuman. Perbincangan juag lebih tertumpu ke arah elemen yang sesuai untuk mengukur tahap literasi tentang halal untuk pengguna Islam. Ahmad (2010) pula melontarkan idea kepentingan LKI yang mana telah menjadi tugas seorang muslim untuk meningkatkan pengetahuan kewangan Islam sebagai asas perkembangan kajian berkaitan LKI. Afif Muhamat *et al.* (2011) pula cuba mengkaji pandangan muslim dan non-muslim terhadap istilah arab dalam kewangan Islam yang mana dapatan kajian menunjukkan perbankan Islam mempunyai kelebihan bersaing namun menghadapi kesukaran untuk memahami produk perbankan Islam terutamanya non-muslim. Kajian kearah LKI seterusnya dilaksanakan oleh Ismail & Ibrahim (2011) untuk menguji literasi halal terhadap generasi Y manakala Jaffar & Musa (2013) membangunkan elemen ujian untuk literasi halal terhadap PKS. Pengkaji dari Brunei Abdullah & Abdul Razak (2015) pula mengkaji peranan literasi kewangan Islam di Brunei menerusi pengukuran terhadap elemen kefahaman kewangan Islam zakat, wakaf, faraid pelaburan patuh syariah mendapati LKI berada sekitar 33%-60% berbeza-beza mengikut pengukuran. Pembangunan elemen pengukuran terus dilakukan oleh beberapa sarjana bagi menentukan kaedah pengukuran yang sesuai untuk menilai LKI seperti yang dikaji oleh P.M Antara *et al.* (2015); P. M Antara *et al.* (2016); P.M Antara *et al.* (2017); Hidajat & Hamdani (2015); Hidajat & Hamdani (2017); Setiawati *et al.* (2018). Kajian di Turki pada tahun 2017 yang mengukur LKI menunjukkan tahap LKI berada di tahap 58% (Er & Mutlu, 2017). Dapatan kajian empirikal terkini menggunakan pengukuran LKI oleh Luthfiani, R. A., & Sari, R. C. (2019) menunjukkan tahap LKI mempunyai hubungan yang positif terhadap niat sebagai pelanggan perbankan Islam di Indonesia manakala dapatan kajian oleh Aisyah, I., & Saepuloh, D. (2019) menunjukkan LKI dalam kalangan pelajar adalah pada tahap 81% dan dikategorikan sebagai baik. Berdasarkan perbincangan ini, pengukuran LKI perlu dibangunkan bagi menilai tahap LKI individu muslim memandangkan ia boleh memberi kesan signifikan terhadap pembuatan keputusan terutamanya terhadap pemilihan produk kewangan Islam. LKI yang tinggi akan membantu meningkatkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan perbankan Islam dan akhirnya mampu meningkatkan industri perbankan Islam.

Jadual 1 : Ringkasan Kajian konsep dan empirikal berkaitan Literasi Kewangan Islam

Penulis	Tahun	Tajuk	Dapatan
Imam Salehudin	2009	Halal Literacy: A Concept Exploration and Measurement Validation	Artikel Teoritikal
Amirul Afif Muhamat	2011	An empirical study on banks' clients' sensitivity towards the adoption of Arabic terminology amongst Islamic banks	Dapatan kajian menunjukkan terminologi arab dalam kewangan mempunyai kelebihan bagi bank islam namun sukar mendapat maklumat produk secara cepat dan sukar difahami oleh non muslim. Responden:100 orang Tempat :Shah Alam Selangor
Ismail, H., & Ibrahim, H. R	2011	Halal Literacy Among Malaysian Gen-Y Consumers	Dapatan kajian menunjukkan tahap literasi halal adalah pelbagai Responden:108 muslim dan non muslim Kaedah online responden rakyat malaysia tinggal di malaysia dan luar negara

Pg-Md Salleh , A.K & Mohd H	2013	Exploring an Inclusive Islamic Financial Planning Framework in Brunei Darussalam	Kajian keperluan perancangan kewangan Islam di Brunei menggunakan pendekatan kuantitatif fan kualitatif.
Jaffar, M. A., & Musa, R. (.	2013	Determinants of attitude towards Islamic financing among Halal-certified micro and SMEs: A proposed conceptual framework. International Journal of Education and Research, 1(8), 1-10.	Artikel Teoritikal
Abdullah, R., Razak, A. L. H. A., & Ali, U. I. S. S.	2015	Exploratory Research Into Islamic Financial Literacy In Brunei Darussalam. Faculty of Business and Management Sciences, 59-83.	Kajian adalah berkaitan keperluan literasi kewangan Islam menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.
Abdillahi, A. M. (2015).	2015	Determinants of Islamic financial literacy towards retirement planning (Master dissertation, Universiti Utara Malaysia).	Kajian Literasi kewangan Islam terhadap perancangan persaraan di kalangan kakitangan UUM sintok Kedah Bilangan responden:238 Dapatan Kajian: Perancangan persaraan adalah baik dan dipengaruhi beberapa faktor seperti pengetahuan kewangan, objektif yang jelas dan demografi responden.
Antara, P. M., Musa, R., & Hassan, F.	2016	Bridging Islamic financial literacy and halal literacy: the way forward in halal ecosystem. Procedia Economics and Finance, 37, 196-202.	Artikel Teoritikal
Taofik Hidajat& Muliawan Hamdani	2017	Measuring Islamic Financial Literacy	Artikel Teoritikal
Purnomo M Antara, Rosidah Musa & Faridah Hassan	2017	Conceptualisation and Operationalisation of Islamic Financial Literacy	Artikel Teoritikal
Er, B., & Mutlu, M.	2017	Financial inclusion and Islamic finance: A survey of Islamic financial literacy index. Uluslararası İslam Ekonomisi ve Finansı Araştırmaları Dergisi, 3(2).	Dapatan kajian menunjukkan Indeks Literasi kewangan berada diantara 58% di Trabzone, Turki dengan responden sebanyak 388 orang.
Rike Setiawati	2018	Islamic Financial Literacy: Construct Process And Validity	Artikel Teoritikal

Iis Aisyah & Dadang Saepuloh	2019	The Implementation of Islamic Financial Literacy Through “Kencleng” Program in School	Dapatan kajian LKI dikalangan pelajar sekolah adalah ditahap baik iaitu 81%
Rifda Amalia Luthfiani dan Ratna Candra Sari	2019	The Effect Of Religiosity, The Level Of Income, And The Level Of Islamic Financial Literacy Toward The Interest Of Student To Become Customers In Sharia Financial Institution	Dapatan kajian menunjukkan LKI mempunyai hubungan positif terhadap keinginan pelajar sebagai pelanggan institusi kewangan syariah di Indonesia. Responden: Yogyakarta State University (UNY) dan Sunan Kalijaga Yogyakarta State Islamic University (UIN) Bilangan responden: 193

Kesimpulannya daripada perbincangan ini menunjukkan kajian lepas berkaitan. Ini kerana kajian LKI agak baru dan memerlukan perhatian oleh para sarjana untuk diketengahkan yang mana kajian kearah LKI bermula di era awal tahun 2000 berbanding bidang literasi kewangan konvensional yang telah bertapak kukuh dengan kajian teoritikal dan kajian lapangan bermula seawal 1910 an.

PENGUKURAN LITERASI KEWANGAN ISLAM

Literasi kewangan Islam yang merujuk kepada pemahaman seseorang individu dalam kewangan Islam boleh diukur melalui beberapa aspek. Seperti yang disebutkan dalam literatur, berikut adalah aspek-aspek yang dikenalpasti sebagai pemboleh ubah dalam mengukur literasi kewangan Islam.

Literasi Kewangan Islam: Aspek asas dalam Islam

Secara umumnya, terdapat tiga elemen teras di dalam Islam iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak. Perbincangan berkaitan aktiviti dan praktis harian individu Muslim adalah melibatkan elemen syariah yang mana elemen syariah mengandungi ibadat dan juga muamalat. Elemen muamalat di dalam Islam boleh dibahagikan kepada 5 perkara penting iaitu politik, jenayah, ekonomi, aktiviti sosial dan munakahat. Dalam Islam, pengetahuan asas berkaitan aktiviti ekonomi adalah di bawah cabang muamalat. Perbincangan mengenai sebarang aktiviti ekonomi di dalam Islam tidak lari dari mematuhi larangan syariah terhadap *riba*, *judi* dan *gharar* (Ayob, 2007). Perbincangan lanjut adalah seperti berikut:

Konsep asas pertama adalah Konsep Riba. Riba’ berasal dari perkataan “رَبَا يَرْبُو رَبْوًا وَّرَبْوًا وَرَبَاءً”. Maksud asalnya adalah al-ziyādah, iaitu pertambahan atau bertambah (al-Nabhani, 2017). Manakala dari segi istilah menurut pandangan ulama Shafi’iyah adalah merujuk kepada akad ke atas tukar ganti yang khusus tanpa diketahui berlakunya persamaan dalam kuantiti menurut prinsip syariah sewaktu akad atau dengan menanggukkan kedua-dua barang pertukaran atau satu daripada kedua-duanya.”Larangan riba’ adalah jelas di dalam Al-Quran dan Hadis. Selain itu juga, jumhur ulama tidak mempunyai sebarang perbezaan pendapat tentang larangan riba’ dan ia dikategorikan sebagai satu daripada 7 dosa besar (Ayob, 2007). Larangan riba’ dari sumber di dalam Al-Quran adalah seperti Surah *Al-Rum ayat 39* serta hadis nabi seperti daripada Jabir menyatakan “*Rasulullah melaknat pemakan riba’, pemberi riba’, penulis pencatat riba’ dan dua orang saksi bagi riba’*”. Hadis di atas yang datang daripada Jabir adalah menunjukkan bahawa pemakan riba’ adalah sangat dimurkai Allah dan tiada mendapat rahmat Allah dan Rasulullah. Larangan keras ini sebagai panduan kepada individu Muslim dan usahawan muslim supaya menjauhi sebarang aktiviti berkaitan dengan riba’. Pengetahuan berkaitan riba’ membantu individu Muslim dan usahawan muslim menghindari aktiviti riba’ seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap LKI

mereka. Berasaskan perbincangan di atas, kefahaman perkara atas berkaitan riba' membantu individu Muslim dan usahawan muslim memahami konsep asas riba' dalam Islam dan menghindari perkara dilarang oleh syariat dalam setiap urusan harian dan juga aktiviti perniagaan.

Seterusnya konsep asas kedua adalah berkaitan *Judi*. Judi boleh didefinisikan sebagai permainan yang menggunakan wang atau yang setara dengannya sebagai petaruhan (*Kamus Dewan Edisi keempat*). Daripada segi bahasa, judi boleh dikenali sebagai *al-maisir* atau *al-qimar*. Dalam konteks masyarakat arab ketika zaman Nabi Muhamad SAW, judi melibatkan permainan yang melibatkan pertaruhan menggunakan anak panah (MAWIP, 2019). Judi memerlukan pertaruhan 2 pihak (*Al-Mu'jam al-Wasit*, 2008). takrifan judi dari segi istilah oleh Ibn Hajar al-Haitami merujuk kepada sebarang aktiviti yang melibatkan pertaruhan (al-Haytami). Al-Mahalli pula menyatakan judi sebagai aktiviti yang melibatkan pertaruhan yang haram dan mempunyai implikasi menang dan kalah (Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj). Pengharaman judi di dalam Islam adalah datang dari 2 sumber utama iaitu Al-Quran dan hadis Nabi. Bukti pengharaman dari Al-Quran adalah dalam surah Al-Baqarah ayat 219. Melalui ayat Al quran di atas menunjukkan walaupun judi mempunyai manfaat namun begitu kerosakan yang timbul kesan kegemaran suka berjudi adalah lebih besar berbanding manfaat. Seterusnya bukti Larangan judi daripada sumber hadis Nabi adalah melalui hadis daripada Riwayat Abu Daud "*Sesungguhnya Allah telah mengharamkan keatasku, atau diharamkan arak, judi, al-kubah (sejenis permainan yang menggunakan papan, buah dan dadu, juga dikenali sebagai tabal atau nard)*". Berdasarkan perbincangan di atas, larangan aktiviti judi adalah jelas melalui sumber dalil Al quran dan Hadis. Pengetahuan berkaitan larangan judi merupakan salah satu daripada pengetahuan yang menyumbang kepada LKI di kalangan muslim serta pemilik dan pengurus perniagaan muslim. Ini membantu mereka melaksanakan aktiviti yang selari dengan syariah dan terhindar dari aktiviti di larang Islam.

Konsep pengetahuan asas ketiga adalah "*Gharar*". Gharar secara umumnya dari segi bahasa merupakan adalah risiko atau bahaya. Perkataan Gharar ini adalah berasal daripada Bahasa Arab iaitu ghara, taghrir atau yaghara yang membawa maksud satu bentuk penipuan atau sesuatu perkara yang membuatkan orang tertarik melakukan perkara yang salah. Gharar juga boleh dikatakan sebagai "Apa-apa yang tidak diketahui keputusan akhir dan risiko mungkin akan berlaku atau tidak" (Bada'i As-Sonai'e, Al-Kasani). Nabi Muhamad di dalam hadis oleh riwayat Muslim menegaskan larangan unsur Gharar di dalam urusan jual beli (Muslim 5/3). Daripada sudut pandangan ulama bermahzab syafie pula merujuk kepada sesuatu yang kesannya adalah tersembunyi ataupun sesuatu yang memberi kesan kurang baik (Hosen, 2009). Kesan pemahaman tentang konsep Gharar membantu individu muslim menghindari kegiatan ekonomi yang mempunyai unsur-unsur gharar. Pengetahuan asas tentang perkara yang melibatkan gharar mampu menyumbang kepada LKI dalam kalangan individu muslim. Kesimpulannya kefahaman tentang perkara asas dalam muamalat Islam seperti riba, Miasir dan Gharar boleh digunakan sebagai petunjuk kepada literasi kewangan Islam yang ada dalam kalangan individu. Ini membantu pengurus dan pemilik perniagaan melaksanakan aktiviti perniagaan yang tidak bercanggah dengan syarak. Keadaan ini membantu peningkatan dalam indeks patuh syariah.

Literasi Kewangan Islam: Konsep Simpanan dan pengumpulan kekayaan

Menurut teori ekonomi konvensional, tabungan merupakan sesuatu yang memberi bermanfaat untuk manusia (Abdullah & Abdul Razak, 2015). Tabungan berlaku apabila individu mempunyai lebihan pendapatan boleh guna berbanding perbelanjaan (Keynes, 1936). Simpanan adalah untuk memenuhi keperluan masa depan serta sumber untuk pelaburan. Individu yang melepaskan manfaat penggunaan semasa mereka seharusnya diberikan ganjaran keatas pengorbanan mereka melalui penambahan dalam simpanan mereka (Kasri & Kassim, 2009). Walau bagaimanapun, Islam melarang amalan yang memberikan lebihan ini yang dikenali sebagai riba (Kasri & Kassim, 2009). Oleh itu pengetahuan mendalam berkaitan konsep simpanan dan pengumpulan kekayaan agar tidak bertentangan dengan syariah adalah perlu untuk setiap individu Muslim. Ini perlu agar setiap kontrak bagi simpanan dalam perbankan Islam selari dengan kehendak syariah seperti simpanan menggunakan konsep wadiah, Deposit berjangka Tawaruq dan Akaun simpanan Qard Bank Islam. Tabungan merupakan perkara yang mendatangkan kebaikan manakala dalam Islam pembaziran sumber adalah sesuatu yang dilarang (Sardiana, 2016). Walau bagaimanapun Islam tidak melarang umatnya mengejar kekayaan dunia dan mengumpulkan harta sebagaimana sahabat nabi iaitu Uthman Ibn Affan dan Abdul rahman bin Auf yang tergolong dalam mereka yang kaya raya (Biplob & Abdullah, 2019). Selaras dengan pandangan

Islam yang tidak melarang umatnya mengumpulkan kekayaan, Islam menggalakkan perancangan kewangan untuk kesejahteraan kehidupan akan datang. Bagi seorang pengurus dan pemilik perniagaan, perancangan kewangan adalah terletak dalam konteks bagaimana untuk mengumpulkan, melindungi dan juga mengagih kekayaan yang dinikmati oleh perniagaan mereka selaras dengan syariat. Seterusnya perancangan kekayaan juga melibatkan aspek pengurusan pendapatan, kekayaan, perbelanjaan, kredit dan juga tabungan perniagaan (Pg Md Salleh, 2013). Selain itu juga ia boleh melibatkan perancangan perlindungan melalui takaful dan persaraan (Pg Md Salleh, 2013). Pengetahuan perancangan kekayaan adalah elemen yang penting yang diukur di dalam Literasi kewangan Islam yang mana peningkatan pengetahuan perancangan kekayaan memberikan kesan terhadap perancangan kekayaan (Setyowati *et al.*, 2018) seterusnya secara langsung meningkatkan LKI individu.

Literasi Kewangan Islam: Konsep Pinjaman/hutang

Secara umum hutang adalah sesuatu yang dipinjam. Dalam Islam hutang dikenali sebagai qardh iaitu dari perkataan arab alqath'u iaitu memotong (Zuhaili, 2011). Qardh juga di definisikan sebagai harta yang diberikan pemberi pinjaman kepada penerima dengan syarat penerima pinjaman harus mengembalikan nilai pinjaman apabila mempunyai kemampuan (Sabiq *et al.*, 1987). Lumrah kehidupan apabila manusia sentiasa berhadapan dengan keadaan dimana dalam keadaan tertentu memerlukan hutang dan pinjaman bagi memenuhi keperluan dan kehendak. Hal yang sama dapat dilihat dalam perniagaan yang mana perniagaan juga tidak terkecuali daripada memerlukan dana atau pembiayaan untuk keperluan perniagaan yang boleh diperolehi melalui sumber perbankan Islam atau pun dari sumber dalaman pemilik perniagaan. Islam sangat menekankan keperluan kepada pengurusan hutang yang baik dari peringkat awal sehingga hutang dilangsaikan dan secara umumnya Islam tidak mengalakkan berhutang. Ini ditegaskan dalam hadis nabi Riwayat al-Bukhari (2295) yang menunjukkan betapa beratnya beban hutang sehinggakan baginda Rasulullah tidak menyembahyangkan sahabatnya yang meninggal dunia kerana meninggalkan hutang. Balasan kepada kegagalan menjelaskan hutang bukan sekadar di dunia namun turut memberi kesan kepada individu tersebut di akhirat. Islam mengalakkan umatnya supaya mengelak daripada berhutang agar terlepas daripada tekanan kewangan. Walau bagaimanapun hutang bukan satu perkara yang dilarang dalam Islam dan diharuskan apabila keperluan berhutang itu sangat mendesak (Bakri, 2011). Oleh itu pengurusan hutang memerlukan pengetahuan yang baik sehingga ianya dilangsaikan. Di dalam perniagaan, pemilik dan pengurus tidak dapat lari dari menanggung hutang perniagaan. Di dalam Islam menegaskan kepada pengurusan hutang yang baik dengan pembayaran yang betul dan tersusun. Terdapat hadis yang menegaskan tentang kezaliman kepada mereka yang melewatkan pembayaran hutang sedangkan mereka di dalam keadaan mampu untuk membayarnya. Imam Bukhari juga menunjukkan bukti daripada hadis rasullullah bahawa "*Penangguhan bayar hutang oleh orang yang mampu adalah satu kezaliman*". Kelemahan dalam literasi kewangan akan membawa kepada kelemahan pengurusan kewangan dan hutang dan akhirnya membawa kepada peningkatan jumlah kebangkrutan dalam kalangan masyarakat (Faizal & Ashhari, 2015) dan pernyataan ini turut disokong oleh (Kaviyarasu, 2012). Oleh itu kemahiran pengurusan hutang merupakan satu keperluan kepada individu Muslim dan ini perlu diukur di dalam LKI. Peningkatan tahap LKI akan membantu pengurusan hutang dan akhirnya akan dapat memberikan kesejahteraan kepada kehidupan seseorang individu khususnya Muslim.

LITERASI KEWANGAN ISLAM: PERLINDUNGAN/TAKAFUL

Pengetahuan tentang perlindungan terhadap risiko merupakan proses perancangan kewangan. (Bandura, 1982; Gist, 1987) menyatakan risiko dianggap sebagai kombinasi ketidakpastian dan tahap serius sesuatu perkara dan hasil yang bakal diperolehinya. Dalam perniagaan, risiko merupakan semua risiko yang dihadapi oleh perniagaan melibatkan risiko semulajadi, risiko spekulatif, risiko strategik, risiko operasi dan risiko kewangan (Rejda & McNamara, 2017) . Takaful berasal dari Bahasa arab "*Kafala*" iaitu saling membantu diantara satu sama lain. Secara umumnya konsep takaful merupakan satu skim yang akan memberikan bantuan kewangan kepada ahli-alinya kerana ianya merupakan satu skim yang berteraskan kepada intipati persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama melibatkan ahli takaful (Akta Takaful, 1984). Konsep takaful adalah berasaskan niat untuk saling

melindungi antara satu sama lain terhadap sebarang risiko yang melibatkan masaalah kewangan (Nawi *et al.*, 2018). Takaful juga boleh dikatakan sebagai konsep saling membantu antara satu sama lain melalui jaminan kewangan kepada peserta apabila berlaku sebarang risiko yang tidak dijangka (Alhabshi, 2012). Islam menekankan pengurusan risiko melibatkan perancangan kewangan dengan menggunakan konsep takaful. Pengetahuan tentang perancangan kewangan meliputi takaful, persaraan dan perancangan pendidikan membantu seseorang individu tersebut untuk merancang keperluan masa depan (Pg Md Salleh, 2013) khususnya dalam konteks individu ia akan membantu untuk melindunginya daripada risiko dan ini menunjukkan pengetahuan perancangan kewangan khususnya takaful memberi kesan signifikan terhadap LKI. Dapatan kajian oleh Setyowati *et al.* (2018) menunjukkan LKI mempunyai kesan terhadap perancangan kewangan. Oleh itu pengetahuan berkaitan perlindungan (Takaful) penting untuk menilai LKI dalam kalangan individu Muslim.


Literasi Kewangan Islam (LKI): Pelaburan berasaskan Syariah

Secara umumnya pelaburan merujuk kepada proses menggunakan tunai ataupun aset bagi tujuan menjana pendapatan ataupun hasil (Biplob & Abdullah, 2019). Pelaburan di dalam Islam melibatkan kebijaksanaan mengurus tunai untuk pelaburan saham, stok, simpanan tunai dan derivatif (Nawi *et al.*, 2018). Oleh itu, di dalam Islam pelaburan adalah wajib mengikuti syarak yang mana ia perlu bebas daripada sebarang unsur seperti riba, gharar, maisyir dan lain-lain larangan seperti arak dan babi di dalam operasi perniagaan/pelaburan (ISRA, 2016) dan akhirnya ini membantu pencapaian konsep *al falah* di dalam Islam (Nawi *et al.*, 2018). Pengetahuan berkaitan pelaburan merupakan cabang kepada pengurusan kekayaan (Laahasna, 2017) yang mana ia memerlukan stok pengetahuan yang baik bagi memberi manfaat khususnya kepada individu atau peniaga Muslim. Keadaan ini memerlukan tahap LKI yang baik seterusnya pengukuran tahap LKI dalam kalangan Muslim adalah perlu bagi memastikan pelaburan yang dilaksanakan mampu menepati syariat Islam. Menerusi tahap LKI yang baik dalam kalangan Muslim, ianya akan membantu mereka untuk membezakan pelaburan yang menepati syariat ataupun tidak dan seterusnya dapat membantu industri kewangan Islam supaya lebih berkembang. Selain itu, sekiranya tahap LKI adalah baik dalam kalangan Muslim terutamanya individu Muslim, ianya turut akan membantu mereka membezakan pendapatan daripada pelaburan yang halal dan ini hanya mampu dicapai melalui peningkatan pengetahuan kewangan Islam yang merupakan komponen penting LKI. Dapatan kajian oleh Abdullah & Abdul Razak (2015) menunjukkan bahawa pengetahuan pelaburan dalam kalangan Muslim Brunei adalah baik namun begitu kurang keyakinan untuk dilaksanakan. Oleh itu pengetahuan berkaitan pelaburan membantu meningkatkan LKI dikalangan individu Muslim.

Literasi Kewangan Islam: Pembersihan Kekayaan

Harta yang dimiliki oleh individu Muslim merupakan milik Allah dan ianya perlu digunakan mengikut panduan syariat Islam. Harta ini perlu disucikan mengikut kaedah dan tatacara yang diakui oleh syarak yang mana terdapat bahagian dalam harta yang dimiliki tersebut yang perlu diberikan kepada asnaf-asnaf terpilih menerusi pembayaran zakat (Abdullah & Abdul Razak, 2015) dan ini merupakan perkara yang penting dalam pengurusan kekayaan di dalam Islam. Oleh itu pengetahuan tentang zakat dan asas kepada harta yang dikenakan zakat merupakan perkara yang penting dalam aspek pemilikan harta dan ini harus kepada mereka yang terlibat di dalam perniagaan yang melibatkan zakat perniagaan (Biplob & Abdullah, 2019). Ini kerana dapatan kajian Oleh (Abdullah & Abdul Razak, 2015) menunjukkan pengetahuan berkaitan zakat dan asas pengiraan zakat adalah lemah dalam kalangan Muslim di Brunei. Oleh itu pengetahuan berkaitan zakat merupakan perkara penting di dalam menentukan literasi kewangan Islam.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas elemen LKI adalah merangkumi kefahaman di dalam topik-topik berkaitan perkara asas di dalam Islam, elemen pengumpulan kekayaan Islam, perlindungan di dalam Islam, pinjaman, pelaburan mengikut pendekatan Islam dan pembersihan kekayaan melalui zakat. Kefahaman berkaitan elemen LKI membantu meningkatkan tahap LKI individu. Seterusnya perbincangan sub-topik akan datang cuba membincangkan peranan pengetahuan keatas literasi kewangan Islam. Berdasarkan perbincangan di atas kerangka teori berikut boleh di gunakan untuk menerangkan dan mengukur LKI



Rajah : Faktor penentu kepada Literasi kewangan Islam

KESIMPULAN

Perbincangan diatas menunjukkan sorotan kajian lepas berkaitan literasi kewangan Islam sehingga 2019. Berdasarkan perbincangan ini boleh menjadi asas kepada pembangunan indeks literasi kewangan Islam menggunakan beberapa pengukuran yang bersesuaian dengan shariah Islam. LKI seharusnya mengukur pengetahuan asas berkaitan Islam seperti pengetahuan berkaitan riba, judi, elemen Gharar. Selain itu asas Islam lain perlu di ukur memandangkan ia mampu memberi sedikit maklumat untuk tahap keagamaan individu terbabit. Seterusnya pengukuran juga harus melibatkan pengukuran konsep kekayaan, hutang, perlindungan, pembersihan kekayaan dan pelaburan. Enam pemboleh ubah ini boleh digunakan sebagai asas pengukuran LKI di kalangan individu muslim dan juga usahawan muslim. Pengukuran LKI mampu menjadi asas melihat kefahaman kewangan Islam dan langkah langkah yang sesuai boleh diketengahkan oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan untuk meningkatkan kefahaman dalam kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Ini kerana kefahaman kewangan Islam yang baik akhirnya mampu memberi sumbangan kepada industri kewangan Islam melalui peningkatan perngunaan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi pelopor kepada sistem kewangan Islam di dunia.

RUJUKAN

- Ab Majid, H., Shahimi, S., & Rahman, A. A. (2012). *Pasaran wang dan modal: perspektif Malaysia. Pusat Penyelidikan Ekonomi & Kewangan Islam*. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, R., & Abdul Razak, A. L. (2015). Exploratory Research into Islamic Financial Literacy in Brunei Darussalam. In A. G. Ismail, R. Abdullah, & K. Mohamad Ali (Eds.), *Islamic Financial Literacy* (pp. 59-83). Brunei Darusslam: UNISSA Press.
- Afif Muhamat, A., Nizam Jaafar, M., & Ali Azizan, N. (2011). An empirical study on banks' clients' sensitivity towards the adoption of Arabic terminology amongst Islamic banks. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 4(4), 343-354.
- Ahmad, M. (2010). Why Islamic financial. *Personal Money*, 46.
- Ahmad, N., & Haron, S. (2002). Perceptions of Malaysian corporate customers towards Islamic banking products and services. *International journal of Islamic financial services*, 3(4), 13-29.
- al-Haytami, a.-I. S. A. a.-A. A. b. M. b. A. b. H. a.-M. *al-Zawaajir 'an Iqtiraaf al-Kaba'ir* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mu'jam al-Wasit*. (2008). (1 ed.): Dar Ihya Turath al-Arabi.
- al-Nabhani, A.-I. a.-' . a.-S. Y. (2017). *40 hadis berkaitan pengharaman Riba* Nilai Negeri Sembilan
- Alhabshi, S. O. (2012). Alhabshi, S.O. (2012). *Wealth planning and management* (2nd ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: INCEIF.
- Antara, P. M., Musa, R., & Hassan, F. (2015). Theorising attitude towards Islamic financing adoption in an integrative model of behavioural prediction: A proposed conceptual framework. *Journal of Administrative and Business Studies*, 1(1), 1-14.
- Antara, P. M., Musa, R., & Hassan, F. (2016). Bridging Islamic Financial Literacy and Halal Literacy : The Way Forward in Halal Ecosystem. *Procedia Economics and Finance*, 37,196–202. doi:10.1016/S2212-5671(16)30113-7.
- Antara, P. M., Musa, R., & Hassan, F. (2017). Conceptualisation and Operationalisation of Islamic Financial Literacy Scale. *Pertanika Journals*, 25, 251-260.
- Ayob, M. (2007). *Understanding Islamic Finance*. West Sussex, England: John Wiley & Son, Ltd.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 7(2), 122-147.
- Biplob, H., & Abdullah, M. F. (2019). The Importance of Islamic Financial Literacy for Muslims: A General Review. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, 10(1), 106-117.
- Bley, J., & Kuehn, K. (2004). Conventional versus Islamic finance: student knowledge and perception in the United Arab Emirates. 5(4), 17-30. *International journal of Islamic financial services*, 5(4), 17-30.
- Er, B., & Mutlu, M. (2017). Financial Inclusion and Islamic Finance: A Survey of Islamic Financial Literacy Index. *Uluslararası İslam Ekonomisi ve Finansı Araştırmaları Dergisi*, 3(2).pp16.

- Faizal, D.-R., & Ashhari, Z. M. (2015). Factors Affecting Youth Bankruptcy in Malaysia,' UPM-SAGE Publications Young Writer's Award 2015 Papers, Available at:<http://psas.upm.edu.my/upmsage/wp-content/uploads/2017/04/paper2.pdf>. (accessed on: 2 May, 2019).
- Gerrard, P., & Barton, J. (1997). Cunningham Islamic banking: a study in Singapore. *International Journal of Bank Marketing*, 15(6), 204-216.
- Gist, M. E. (1987). Self-efficacy: Implications for organizational behavior and human resource management. . *Academy of Management Review*, 12(3), 472-485.
- Hamid, A., & Nordin, N. (2001). A study on Islamic banking education and strategy for the new millennium-Malaysian experience. *International journal of Islamic financial services*, 2(4), 3-11.
- Haron, S., Ahmad, N., & Planisek, S. L. (1994). S Haron, S., Ahmad, N., & Planisek, S. L. (1994). Bank patronage factors of Muslim and non-Muslim customers. *International Journal of Bank Marketing*, 12(1), 32-40.
- Hidajat , T., & Hamdani, M. (2015). *Developing Islamic Financial Literacy Index: A Conceptual Paper*. Paper presented at the The Global Advanced Research Conference on Management and Business Studies.
- Hidajat, T., & Hamdani, M. (2017). Measuring Islamic Financial Literacy. *Advanced Science Letters*, 23(8), 7173-7176.
- Hosen, N. (2009). Analisis Bentuk Gharar Dalam Transaksi Ekonomi. *Jurnal Al-Iqtishad*, 1(1), 53-64.
- Ismail, H., & Ibrahim, H. R. (2011). Halal Literacy among Malaysian Gen-Y Consumers. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 205-218.
- ISRA. (2016). *Islamic financial system: Principles and operations (2nd ed)*. Kuala Lumpur, Malaysia:ISRA. Retrieved from
- Jaffar, M., & Musa, R. (2013). Determinants of attitude towards Islamic financing among halal-certified micro and SMEs: a proposed conceptual framework. *International Journal of Education and Research*, 1(8), 1-10.
- Johnes, J., Izzeldin, M., & Pappas, V. (2014). A comparison of performance of Islamic and conventional banks 2004–2009. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 103, 93-107.
- Kamus Dewan Edisi keempat*. (4 ed.). Kuala Lumpur Dewan bahasa dan Pustaka
- Kasri, R., & Kassim, S. H. (2009). Kasri, R., & Kassim, S. H. (2009). Empirical determinants of saving in the Islamic banks: Evidence from Indonesia. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 22(2).
- Kaviyarasu, E. (2012). Usage of Credit Cards beyond Limit: A Case Study of Younger Generations in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 2(4), 330-338.
- Keynes, J. M. (1936). *The General Theory of Employment, Interest, and Money*, Japan: Maruzen Co., Ltd.

- Lahsasna, A. (2017). Lahsasna, A. (2017), Readings in Personal Financial Planning, Shariah Wealth Management and Case Studies, Kuala Lumpur: Islamic Banking & Finance Institute.
- MAWIP. (2019). BAYAN LINNAS SIRI KE-207: BAHAYA JUDI. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3619-bayan-linnas-siri-ke-207-bahaya-judi>
- Metawa, S. A., & Almosawi, M. (1998). Banking behavior of Islamic bank customers: perspectives and implications. *International Journal of Bank Marketing*, 16(7), 299-313.
- Nasser, A. (1996). *Essentials of Islamic banks assets and operational aspects(in Arabic*. Appolo,Cairo.
- Nawi, F. A. M., Daud, W. M. N. W., Ghazali, P. L., Yazid, A. S., & Shamsuddin, Z. (2018). Islamic Financial Literacy: A Conceptualization and Proposed Measurement. *INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN BUSINESS AND SOCIAL SCIENCES*, 8(12).
- Pg Md Salleh, A. M. H. A. (2013). *Incorporating Islamic Financial Planning as Poverty Alleviation Tool in Brunei*. Paper presented at the International Conference ‘Poverty Alleviation and Islamic Economics and Finance: Current Issue and Future prospectus, (2013) Durham University.
- Ripain, N., Amirul, S., & Mail, R. (2017). Financial Literacy and SME's Potential entrepreneurs: The Case of Malaysia. *JABS*, 3(2), 60-68.
- Sabiq, A. S., Hasanuddin, N., Saipuddin, A., & al-Yamani, J. (1987). *Sabiq, A. S., Hasanuddin, N., Saipuddin, A., & al-Yamani, J. (1987). Fiqh al-sunnah. Dār al-Rayyān lil-Turāth*.
- Salehudin, I. (2010). Halal literacy: A concept exploration and measurement validation. *Asean Marketing Journal*, 2(1), 1-12.
- Sardiana, A. (2016). ‘The Impact of Literacy to Shariah Financial Service Preferences’, . *Etikonomi: Jurnal Ekonomi* ^[1]_[SEP], 15(1), 43-62.
- Setiawati, R., N., S. R, Anwar, M., & , & Masyita, D. (2018). Islamic Financial Literacy: Construct Process and Validity. *Academy of Strategic Management Journal*, 17(4), 1-12.
- Setyowati, A., Harmadi, H., & Sunarjanto, S. (2018). Islamic Financial Literacy and Personal Financial Planning: A Socio-Demographic Study. *Jurnal Keuangan dan Perbankan*, 22(1), 63-72.
- Zuhaili, W. (2011). *Zuhaili, Wahbah. 2011. “Fiqh Muamalat”. Gema Insani, Jakarta*.